

19/07/2005

RAFIDAH-AP

KERAJAAN UMUM SENARAI AP UNTUK HENTIKAN SPEKULASI, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Kerajaan mengambil keutusan untuk mengumumkan nama-nama mereka yang menerima Permit Import (AP) untuk menghentikan spekulasi yang mengatakan permit-permit itu disalahgunakan, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Rafidah Aziz, hari ini.

Ketua Wanita UMNO itu juga mengurangkan keraguan dengan mengisytiharkan bahawa beliau tidak mempunyai sebarang pertalian dengan Tan Sri Nasimuddin SM Amin Nasimuddin, Pengarah Urusan Naza Motor Group (Naza), yang merupakan antara penerima AP melalui beberapa syarikat.

Sebelum ini, timbul spekulasi yang mengatakan kedua-duanya bersaudara melalui perkahwinan ahli keluarga mereka.

Penerima AP utama lain ialah Datuk Seri Syed Azman Syed Ibrahim dan Datuk Mohd Haniff Abd Aziz, kedua-duanya bekas pegawai MITI, yang menerima AP secara bersama melalui beberapa syarikat lain.

"Saya tiada kaitan dengan mana-mana pemegang AP itu, (samada) dari sudut persaudaraan atau sebarang aspek lain," kata Rafidah dengan penuh emosi mengenai kontroversi yang menyelubungi pengeluaran AP dan pengumuman senarai penerimanya semalam, semasa memberi taklimat kepada pihak media selepas mempengerusikan mesyuarat exco Wanita Umno di sini.

Kontroversi mengenai AP itu tercetus apabila bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pemberian terlalu banyak permit itu telah menyebabkan berlaku persaingan yang tidak adil kepada kereta nasional, Proton. Dr Mahathir adalah penasihat Proton.

Baru-baru ini Dr Mahathir berkata, ramai pengimport membuat pengisytiharan harga yang rendah dan menjual kereta-kereta itu lebih murah daripada harganya yang sebenar.

Beliau juga mempersoalkan bagaimana 20 syarikat diberikan sebilangan besar daripada lebih 50,000 AP yang dikeluarkan sedangkan matlamat kerajaan adalah untuk membantu seramai mungkin ahli perniagaan bumiputera dengan mengagih-agihkan permit berkenaan.

Berikutan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, meminta Rafidah menjawab semua perkara yang ditimbulkan oleh Dr Mahathir, dan menteri itu telah berbuat demikian sebelum bercuti ke luar negara.

Pada majlis taklimat hari ini, Rafidah juga membaca beberapa bahagian daripada surat itu kepada pihak media.

Pada satu ketika, menteri yang biasanya lantang itu, menangis sambil membaca bahagian akhir surat yang ditulisnya kepada bekas Perdana Menteri itu dan mendoakan kesejahteraan isteri beliau, Tun Dr Siti Hasmah.

Ditanya kenapa beliau menangis, Rafidah, dengan linangan air mata, berkata beliau merasa sedih dengan tuduhan bahawa beliau tidak menghormati Dr Mahathir. Katanya, itu tidak benar sama sekali kerana mereka telah bekerjasama begitu lama.

"Dan sayalah orang pertama yang menghalangnya daripada meletakkan jawatan," katanya, mengingatkan kembali detik-detik apabila Dr Mahathir mengumumkan hasratnya untuk meletakkan jawatan sebagai perdana menteri pada Perhimpunan Agung UMNO tahun 2002.

Sambil menjelaskan latar belakang rentetan peristiwa sekitar kontroversi AP itu, Rafidah berkata Abdullah telah memaklumkan kepadanya tentang perlunya nama-nama (penerima AP) itu diumumkan bagi menghentikan spekulasi.

"PM telefon saya semasa saya sedang bercuti. Katanya, terlalu banyak

spekulasi mengenai perkara ini. Beliau merasakan adalah wajar senarai itu disiarkan kerana tiada apa yang hendak disembunyikan," katanya yang tidak dapat menahan kesedihannya.

Beliau yang bercuti lebih seminggu lalu, kembali bekerja semalam.

Rafidah berkata, kementerianya menyediakan senarai pemegang AP itu dan menyerahkannya kepada Pejabat Perdana Menteri, yang mengumumkannya kepada pihak media semalam.

Menjawab soalan mengapa segelintir orang menerima agihan AP yang lebih besar, Rafidah berkata, "Tidak benar berlaku monopoli orang yang memegang permit itu kerana penerimanya memegang francais jenama yang berbeza-beza dan mereka berusaha keras untuk mendapatkan francais mereka."

Menyentuh tentang dua bekas pegawai di kementerianya, Syed Azman and Mohd Haniff, yang merupakan antara segelintir penerima agihan besar AP tersebut, Rafidah berkata, "Siapa mereka itu tidak penting."

"Kenapa hukum orang kerajaan, itu tidak adil. Mereka itu sudah bersara dan mereka gigih berusaha untuk mendapatkan francais itu dan berjaya meyakinkan pihak-pihak di luar negara (syarikat induk)," katanya.

Sebaliknya, tegas beliau, kejayaan mereka ini seharusnya "menaikkan nama bumiputera dan orang Melayu seharusnya berbangga dengan mereka."

Nasimuddin, dalam satu kenyataan berasingan, berkata Naza Group miliknya telah mendapat kepercayaan dan keyakinan Kia Motors dari Korea Selatan dan berkembang daripada hanya hubungan berasaskan hak pengedaran kepada rakan kongsi Kia Motors akhirnya. Melalui Naza Kia Sdn Bhd, kumpulan itu memiliki 96 cawangan yang menjual kereta Naza Ria dan Naza Citra, serta 70 pusat servis dan kedai alat ganti di seluruh negara.

Mengenai dakwaan bahawa pengeluaran AP telah menjejaskan jualan Proton, Rafidah berkata analisis yang dijalankan oleh kementerianya menunjukkan bahawa pada 2004, import kereta berkapasiti 1.8 liter ke bawah berjumlah 17,455 unit yang merupakan hanya 3.2 peratus daripada keseluruhan pengeluaran iaitu sebanyak 530,035 unit bagi tahun berkenaan.

Dengan peratusan sedemikian, import kereta tidak memberi sebarang kesan kerana kereta-kereta itu adalah daripada jenama-jenama lain, katanya.

Semalam, Rafidah berkata bilangan AP yang diluluskan dalam setahun terhad kepada 10 peratus daripada keseluruhan jumlah kereta yang dikeluarkan di dalam negara ditambah 10 peratus bagi memenuhi pertumbuhan pasaran terbuka.

Tahap siling atau had ditetapkan bagi memastikan kepentingan kereta nasional tidak terjejas, jelas beliau.

Walaupun had ini ditetapkan, katanya, bilangan kereta yang diimport dalam mana-mana tahun itu adalah lebih rendah daripada 10 peratus daripada keseluruhan pengeluaran kereta di Malaysia.

Bagi memastikan import itu tidak menjejaskan jualan Proton, katanya, MITI memantau perbezaan harga antara kereta nasional dan kereta import bagi memastikan ianya dalam jajaran di antara RM6,000 dan RM18,000.

Tentang sama ada AP akan ditarik balik jika pemegangnya didapati membuat pengistiharan harga yang lebih rendah daripada nilai sebenar kereta import, beliau berkata, daripada menarik balik, Jabatan Kastam Diraja seharusnya mengenakan denda (sewajarnya). -- BERNAMA

SHO MAD/MR SHY KY